



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera  
31 Mac 2015**

**AGIHAN PENDAPATAN SULUNG 7.75 SEN SEUNIT ASB 2 KOMPETITIF  
7.50 sen seunit agihan pendapatan tahunan dan khas 0.25 sen seunit**

**KUALA LUMPUR** - Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 7.75 sen seunit bagi Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) melibatkan agihan pendapatan tahunan sebanyak 7.50 sen seunit dan agihan pendapatan khas sebanyak 0.25 sen seunit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015.

Ini merupakan agihan pendapatan sulung bagi ASB 2 sejak dilancarkan pada 2 April 2014 lalu sebagai salah satu agenda pemeraksanaan ekonomi Bumiputera. Sambutan masyarakat Bumiputera terhadap ASB 2 cukup menggalakkan dengan sejumlah langganan 2.06 bilion unit ASB oleh 103,546 pemegang unit.

Pencapaian ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan prestasi langganan satu tahun tabung-tabung unit amanah berharga tetap yang dilancarkan sebelum ini. Ianya juga menggambarkan kesedaran yang meningkat di kalangan Bumiputera tentang kepentingan melabur meskipun mereka berdepan cabaran dari sudut ekonomi dan peningkatan kos sara hidup.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji berkata, Lembaga Pengarah ASNB bersetuju memperuntukkan pembayaran sebanyak RM92 juta sebagai pembayaran agihan pendapatan ASB 2.

“Tahun kewangan pertama ASB 2 di lalui dalam suasana pasaran saham domestik dan keadaan ekonomi global mengalami situasi yang begitu mencabar, “ katanya dalam satu sidang media yang diadakan hari ini.

Hal ini berlaku berikutan dengan kejatuhan mendadak harga minyak mentah di pasaran, penyusutan nilai ringgit berbanding Dolar Amerika, pergolakan politik yang berlaku di Eropah Timur serta pertumbuhan ekonomi global yang tidak setara terutama di Asia dan negara-negara membangun.

Katanya lagi, pengurus pelaburan ASB 2 perlu mengimbangi di antara keperluan pengekal modal tabung dan keupayaan tabung dalam menjana pengagihan pendapatan yang bersesuaian dengan persekitaran ekonomi dan pasaran semasa.

Sehingga 29 Mac, 2015, jumlah pendapatan kasar ASB 2 adalah sebanyak RM130.6 juta. Pendapatan daripada keuntungan jualan saham menyumbang sebanyak RM86 juta atau 65.8% daripada keseluruhan pendapatan kasar.

Pendapatan dividen yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM30 juta atau 23%, manakala selebihnya iaitu RM14.6 juta atau 11.2% adalah daripada lain-lain pendapatan.

“Pada masa akan datang, ASB 2 akan terus melaksanakan strategi yang bersesuaian, bagi menghadapi keadaan ekonomi yang dijangkakan akan terus mencabar, antaranya adalah membuat pelaburan dengan lebih teliti agar objektif tabung dapat dicapai,” ulas Tun Ahmad Sarji lagi.

Pengiraan pengagihan pendapatan keseluruhan pada jumlah kadar 7.75 sen seunit ini adalah berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan tabung ASB 2.

Kadar pengagihan pendapatan tabung ASB 2 ini adalah kompetitif jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen pelaburan lain yang sesuai dijadikan perbandingan serta dalam suasana pelaburan semasa.

Semua urusan niaga bagi ASB 2 di Ibu Pejabat ASNBN, pejabat-pejabat ASNBN dan ejen-ejen ASNBN telah ditangguhkan pada 22 Mac, 2015, sehingga hari ini, 31 Mac, 2015.

Penangguhan urusan niaga ini adalah bertujuan untuk pengiraan pengagihan pendapatan bagi tahun 2015. Urusan niaga ASB 2 akan berjalan seperti biasa bermula esok, 1 April, 2015.

ASB 2 adalah sebuah ‘Tabung Aset Campuran Pendapatan’ atau ‘Mixed Asset Income Fund’ yang dilancarkan pada 2 April, 2014. Objektif tabung ini ialah untuk menjana pulangan jangka panjang yang konsisten, di samping memastikan pengekalan modal pemegang unit melalui pelaburan di dalam portfolio aset campuran.

**Dikeluarkan oleh:**  
**PERMODALAN NASIONAL BERHAD**  
**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**  
**Cik Aminah Haji Mahadi**  
**Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Tel: 03-2050 5445, Faks: 03-2050 5268, E-mail: aminah\_hm@pnb.com.my**